

## Berpegang Teguh Dengan Islam

25 Syawal 1443H/ 27 Mei 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Pernahkah kita merenung betapa beruntungnya kita kerana dilahirkan sebagai seorang muslim? Pernahkah kita perhatikan saudara-saudara kita yang baru menemui hidayah Islam, sedangkan kita telah lama mewarisi agama ini sejak dari lahir lagi? Kenapa kita pada hari ini seolah-olah tidak menghargai nikmat Islam yang sangat tinggi nilainya ini.

Realitinya, kehidupan kebanyakan kita hari ini semakin jauh dari pengamalan cara hidup Islam. Kita seolah-olah sudah hilang keyakinan terhadap Islam yang menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Malah ada juga dari kalangan kita yang merasa malu untuk menzahirkan cara hidup Islam. Bukankah Islam adalah cara hidup yang menyeluruh, sempurna dan menjamin kesejahteraan dunia dan akhirat?

Firman Allah subhanahu wa taala di dalam surah Ali Imran ayat 85:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ  
الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

**Yang bermaksud:** “Dan sesiapa yang mencari selain daripada Islam sebagai cara hidupnya, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”

Kita adalah khalifah di atas muka bumi ini yang bertanggungjawab mentadbir alam ini mengikut acuan yang telah ditetapkan oleh Allah subhanahu wa taala. Bahkan Rasulullah sallalla hu alaihi wasallam pernah mengingatkan kita supaya berpegang teguh dengan ajaran Islam sebagaimana sabda Rasulullah sallalla hu alaihi wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:

لَقَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَىٰ مِثْلِ الْبَيْضَاءِ، لَيْلُهَا كَنَهَارِهَا، لَا يَزِيغُ عَنْهَا إِلَّا هَالِكٌ

**Yang bermaksud:** “Aku telah tinggalkan kepada kamu di atas benda yang putih; malamnya bagaikan sianginya, tidak ada orang yang terpesong daripadanya melainkan orang yang celaka.”

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Kita pasti menjadi hebat dengan Islam, kerana Islam itu agama Allah. Kita boleh gemilang dengan Islam kerana Allah akan sentiasa bersama kita. Sekiranya kita bersungguh-sungguh pada jalan-Nya, kita boleh mengecapi kejayaan yang hakiki dengan Islam sekiranya kita menyusun strategi ke arah itu.

Marilah kita bersama-sama mulakan dengan menuntut ilmu, kerana menuntut ilmu adalah cahaya yang menerangi jalan hidup. Beberapa asas ilmu utama yang mesti ditekankan dalam kehidupan ini, iaitu:

Ilmu tentang Iman. Iman adalah hal berkaitan keyakinan dan kepercayaan. Kita hendaklah mempelajarinya satu persatu agar akidah kita selamat dan terpelihara dari segala bentuk penyelewengan seperti pemikiran liberal dan lain-lain.

Seterusnya, ilmu tentang Islam. Islam meliputi segala ilmu berkaitan cara hidup manusia termasuklah ibadat, munakahat, muamalat, jinayat dan siasah. Jahil kita dengan syariat Islam, maka kita mudah melakukan yang telah diharamkan oleh Allah subhanahu wa taala.

Akhir sekali, ilmu tentang Ihsan. Ihsan ialah sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah Sallallahu alaihi Wasallam iaitu menyembah Allah subhanahu wa taala. Umpama kita melihat-Nya, namun jika kita tidak mampu merasai melihat Allah, maka yakinlah bahawasanya Allah subhanahu wa taala melihat kita, sifat ihsan menuntut hati kita agar tidak lalai dan mendidik hati kita supaya sentiasa mengingati Allah subhanahu wa taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا  
جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

*Yang bermaksud: “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisihan mengenai agama Islam) melainkan setelah sampai kepada mereka ilmu (yang sah tentang kebenarannya) semata-mata kerana hasad dengki yang menebal dalam kalangan mereka. Sesiapa yang mengingkari ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat cepat perhitungannya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْعَالَمِ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.